

Kesan dadah masih ada dalam tubuh anak - Ibu

Oleh ROHANA MOHD. NAWI
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kandungan dadah jenis methamphetamine masih berada dalam badan kanak-kanak berusia empat tahun meskipun sudah hampir lima hari menjalani rawatan di hospital.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia* ibu kanak-kanak berkenaan Rohaya Hasan, 36, berkata, bagaimanapun, dia tetap bersyukur apabila anak bongsu daripada tiga beradik itu dilihat semakin pulih malah sudah mengajaknya untuk bermain.

Menurutnya, mangsa juga perlu bergantung kepada mesin bantuan oksigen untuk bernafas di wad 5, Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai ketika ini.

“Pihak hospital sedang se-daya upaya menyedut semua bahan tersebut keluar dalam

tempoh terdekat.

“Tiada apa yang paling melegakan saya apabila dia sudah mula boleh tersenyum terutamanya semasa namanya dipanggil. Dia juga kelihatan seperti menggigil, namun tetap meminta untuk bermain,” katanya ketika dihubungi semalam.

Rohaya memberitahu, berkeungkinan besar anaknya yang juga mengalami *sindrom down* akan berada di wad hospital berkenaan selama dua minggu lagi untuk rawatan lanjut.

“Apa yang mengembirakan, anak saya sudah boleh minum susu dan semakin aktif apabila sering cuba untuk bangun dari katilnya,” ujarnya.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, ibu kepada kanak-kanak yang sebelum ini kritikal akibat kandungan dadah tinggi dalam badan mengakui perit untuk meninggalkan anaknya selepas kejadian tersebut.



KANAK-KANAK yang mempunyai kandungan dadah tinggi dalam badan masih bergantung kepada mesin bantuan oksigen untuk bernafas di wad 5, Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP), Kuala Krai, Kelantan.